

SUNTINGAN ZUBAIDAH ABDUL RAHMAN

Toh Puan Manoriah isteri Undang Luak Jelebu

Bantah

DALAM tahun 1952, seorang gadis manis mengepit buku, berjalan meniti batas untuk pergi mengajar di sebuah sekolah di Daerah Jekebu, Negeri Sembilan.

Gadis itu yang men-jawat jawatan sebagai guru pelatih, berjalan sambil diikuti dari belakang oleh beberapa orang murid. Itulah Toh Puan Manoriah binti Haji Ahmad Bidawi yang kini menjadi isteri Undang Luak Jekebu ke-15, Datuk Musa Wahab.

Ketika menjawat jawatan sebagai guru pelatih, usianya masih muda, baru 16 tahun. Tetapi niat dan cita-citanya besar untuk mendidik bangsa dan nusa.

Dilahirkan pada 3 September 1934, di Daerah Jekebu, Toh Puan Manoriah mempunyai seorang adik dan abang. Bapanya seorang kerani di sebuah jabatan Kerajaan.

Menceritakan latar belakang hidupnya, Toh Puan Manoriah memberitahu, beliau adalah dari keluarga sederhana. Bagaimanapun beliau menganggap dirinya bertuah kerana bapa dan keluarganya memberi kebenaran untuk bersekolah.

"Maklumlah masa itu belum merdeka, dan kebanyakan orang tua tidak mahu anak gadisnya bersekolah, kerana takut menulis surat kepada kekasih," ujarnya.

Menyentuh tugas sebagai guru pelatih, tanya, sebelum merdeka tidak banyak buku jukan, dan pelajar yang diajar hanya 3M menulis, membaca dan mengira.

"Guru akan menulis papan hitam dan para murid akan menyalinnya," tambahnya.


Di sekeliling bilik dia akan digantung dengan beberapa lukisan dan perkataan untuk menarik para murid membaca dan tidak mudah lupa.

Selepas merdeka pula Toh Puan Manoriah mempunyai tugas yang agak rumit. Beliau telah diarahkan pihak berkuasa menjadi 'kempen' menarik minat kaum ibu menghantar anak gadis (murid perempuan) pergi belajar.

Berbagai peristiwa berlaku. Ada yang menyokong dan ada pula membantah.



● Toh Puan Manoriah, merasa bertuah kerana diberi kebenaran bersekolah oleh bapa dan keluarganya ... 'baik buruk pekerti seseorang itu terletak pada diri sendiri.'



© Toh Puan Manoriah bersama suaminya, Datuk Musa Wahab, Undang Luak Jelebu ke-15, digambar di rumah mereka di Jelebu, baru-baru ini.

□ Belum merdeka, kebanyakan ibu bapa tidak mahu anak2 gadis bersekolah konon takut pandai tulis surat pada kekasih. Ada berpendapat ke mana perempuan — kalau tidak ke dapur □

Toh Puan Manoriah terpaksa juga memberi penerangan yang baik kepada ibu bapa supaya anak perempuan dibenarkan belajar di Sekolah Melayu untuk kebaikan orang-orang Melayu sendiri.

"Tetapi sayang, ada juga ibu bapa tidak mahu anak gadis pergi ke sekolah, konon takut pandai menulis surat kepada kekasih, takut pandai mencari suami sendiri dan ada juga berpendapat, ke mana perempuan — kalau tidak ke dapur," ujarnya.

Walaupun banyak rungutan dan pandangan yang tidak boleh diterima ketika itu, tetapi tidak kurang juga yang menyanjung sikapnya dan menerima nasihatnya.

Sebagai wanita, dan juga pendidik, pandangan masyarakat tempatan akan memerhatikan segala tingkah lakunya. Untuk ini beliau tetap menjaga peribadi sebagai wanita Melayu yang patuh dengan adat ketimuran.

"Saya memasuki kumpulan perempuan dan

menjawab jawatan yang penting bagi daerah Jelebu.

"Dan di sini saya telah menyumbangkan segala tenaga bakti yang ada untuk kepentingan orang-orang Melayu," jelasnya.

Anggap

Menyentuh tentang perkahwinan dengan suaminya sekarang, Toh Puan Manoriah memberitahu, perkahwinan itu berdasarkan pilihan orang tuannya.

Saya tidak memban-

tah pilihan orang tua, sebaliknya menyanjung pilihan mereka" tambahanya.

Toh Puan Manoriah mengakui, beliau kenal dengan suaminya yang ketika itu bertugas sebagai seorang guru. Datuk Musa Wahab waktu itu mengajar di sebuah sekolah sejauh 30 batu dari sekolah bakal isterinya.

"Saya kenal dengan Datuk, tapi tidak mengetahui bahawa jodoh saya dengan dia," ujarnya.

Mereka berkahwin da-

Sebelum ini beliau juga pernah berkhidmat sebagai guru lebih 25 tahun

lam bulan September 1961, ketika Toh Puan Manoriah berumur 25 tahun.

"Ketika itu, kalau seorang gadis berumur 25 tahun telah dianggap tua, dan saya pun dianggap sedemikian juga."

Menurut Toh Puan Manoriah, beliau terpaksa berkorban umurnya kerana jawatan yang disandang.

"Pada masa itu, setiap guru pelatih tidak dibenarkan berkahwin selagi jawatannya belum

disahkan.

"Saya mula mengajar ketika berusia 16 tahun dan setelah berusia 24 tahun barulah boleh saya berumah tangga," ujarnya.

Perkahwinannya dengan Datuk Musa memperolehi tiga orang cahaya mata — dua lelaki dan seorang perempuan.

Katanya, kehidupannya dengan suaminya bahagia dan beliau menganggap suami adalah ketua dalam rumah.

Jika ada masalah akan diselesaikan dengan segera.

Dalam tahun 1969, suaminya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya.

Pandai

"Saya tidak rasa cemburu ketika suami saya belajar di situ kerana menganggap baik buruk pekerti seseorang itu terletak pada diri sendiri," ujarnya.

Apabila suaminya, Da-

tuk Musa Wahab dilantik sebagai Undang Luak Je-lebu ke-15, Toh Puan Manoriah berada di samping suaminya untuk menerima berita yang baik itu.

Beliau juga berasa gembira, kerana sentiasa berada di sisi suami.

"Tetapi ada juga yang sedih. Saya terpaksa meletak jawatan sebagai seorang guru setelah berkhidmat lebih 25 tahun," ujarnya.

Beliau meletak jawatan secara bersara

dan mendapat pencen bulanan.

Toh Puan Manoriah pandai bermain akodian, bongo dan gemar menghias rumah serta memasak.

Beliau dan suaminya pernah melancung ke Jakarta, Medan dan Bangkok.

Bagaimanapun Medan adalah tempat yang tidak dapat dilupai kerana di sana katanya beliau sempat melawat Danau Toba yang termashyur itu.